

## **Intertekstualiti Kiriman Blog dalam Kalangan Remaja berdasarkan Gender**

*Intertextuality of Blog Posts in Adolescents Based on Gender*

Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin  
[shahremyikmal@usm.my](mailto:shahremyikmal@usm.my)

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

**Received:** 18 January 2021; **Accepted:** 24 April 2021; **Published:** 31 May 2021

**To cite this article (APA):** Shahbudin, M. S. I. (2021). Intertekstualiti Kiriman Blog dalam Kalangan Remaja berdasarkan Gender. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 79-89. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.6.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.6.2021>

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk melihat intertekstualiti teks antara kedua-dua remaja yang berlainan gender. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dan dianalisis menggunakan teori intertekstualiti oleh Julia Kristeva. Kajian-kajian berkaitan intertekstualiti ini banyak bertumpukan kepada karya-karya sastera terutamanya dalam penulisan novel, puisi dan sajak. Sehubungan dengan itu, makalah ini bertujuan untuk melihat penggunaan teks dalam kiriman blog dan proses pemaknaan melalui teori intertekstualiti dalam penulisan kiriman blog oleh remaja berlainan gender. Dapatan kajian diperolehi melalui analisis terhadap kiriman blog dua orang remaja sepanjang tahun 2012 dan dapatannya dijalankan berdasarkan kajian kualitatif. Analisis dijalankan berdasarkan kepada empat rumus intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva, iaitu terdiri daripada hipoteks adalah tradisional, hipoteks adalah pengarang sendiri, hipoteks adalah teks pengarang lain dan hipoteks adalah teks bukan kreatif. Dalam dapatan kajian setelah analisis dijalankan menunjukkan bahawa teks yang dihasilkan oleh remaja melalui penulisan dalam internet tidak berdiri dengan sendirinya tetapi dipengaruhi daripada teks lainnya. Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa yang pemaknaan teks yang wujud adalah berpengaruh dalam pemaknaannya.

**Kata kunci:** Intertekstualiti, Remaja, Blog, Personaliti, Gender

### **ABSTRACT**

*The study aims to observe the text intertextuality between adolescents of different genders. The study was conducted using the qualitative method and analysed using Julia Kristeva's intertextuality theory. Studies related to intertextuality were mostly focused on literary works, especially in the writing of novels, poesies and poems. Therefore, this paper aims to observe the use of texts in blog posts by adolescents of different genders and its signification process through the theory of intertextuality. Study findings were obtained by analysing the blog posts of two adolescents throughout 2012, and it was acquired based on qualitative research. The analysis was conducted based on four intertextuality formulae introduced by Julia Kristeva, namely, hypotext is traditional texts, hypotext is author's own texts, hypotext is other writers' texts, and hypotext is non-creative texts. Once analysed, study findings showed that the texts written by adolescents on the internet did not stand independently but were rather influenced by other texts. In addition, this study also proves that the meaning of the existing text is influential in its interpretation.*

**Keywords:** *Intertextuality, Adult, Blog, Personality, Gender.*

## **PENGENALAN**

Intertekstualiti merupakan sebuah kajian makna antara teks (Allen, 2000; Hartman, 1992). Dalam istilah lainnya, intertekstualiti ini merupakan sebuah kajian yang menerangkan secara terperinci mengenai pemindahan teks yang dirujuk, yang dibaca daripada sumber lain ke dalam hasil penulisan sendiri (Beavis, 2002; Kristeva, 1980; Hartman, 1995). Kajian berkaitan intertekstualiti ini telah diperkenalkan oleh Julia Kristeva pada tahun 1966 yang lalu. Dalam kajiannya, Julia Kristeva telah melihat fenomena kewujudan teks dalam sebuah teks dan dialog yang digunakan. Teori intertekstualiti ini bermula daripada dialogik Mikhail Mikhailovich dan juga dalam sistem tanda oleh Ferdinand de Saussure dan kemudiannya diteruskan lagi perkembangan kajiannya oleh Roland Barthes, Gerard Genette, Michael Riffaterre dan Harold Bloom.

Dilihat daripada rumus intertekstualiti yang diperkembangkan oleh Julia Kristeva ini membentangkan empat perkara utama dalam menyokong hubungan teks yang digunakan. Empat rumus berkenaan terdiri daripada hubungan antara hipoteks (teks awal) dengan hiperteks (teks akhir) yang melihat melalui proses, makna yang diaju dan kewajarannya diakukan. Rumus yang dikemukakan dalam intertekstualiti dalam hipoteks ini terdiri daripada teks tradisional, teks pengarang sendiri, teks pengarang lain dan teks bukan kreatif. Dalam penggunaan keempat-empat rumus ini, tujuannya untuk memperoleh makna teks berdasarkan kepada dua perkara iaitu makna teks yang tidak berdiri sendiri bersama dengan makna teks yang bersifat rencam (Luke, O'Brien, & Comber, 2001). Makna-makna yang ditafsir dalam rumus ini merupakan interteks. Situasi ini berlaku dalam penulisan dalam kalangan remaja. Remaja acapkali menjadikan platform media sosial untuk berkomunikasi dengan penggunaan teks yang pelbagai. Teks yang digunakan oleh remaja dalam komunikasi itu adakalanya sukar untuk ditafsirkan maknanya oleh golongan remaja disebabkan penulisan secara bersasar (Nurhafizah Hashim, Eizah Mat Hussain dan Nur Yuhanis Mohd Nasir, 2017). Oleh demikian, dalam kajian ini adalah untuk melihat penggunaan teks yang dikirimkan oleh remaja dalam blog. Kiriman yang dihasilkan remaja itu seterusnya dianalisis untuk mendapatkan pemaknaannya melalui penulisan dalam teks kiriman blog berkenaan.

## **SOROTAN KARYA**

Dialogik merupakan kaedah bacaan intertekstual yang diperkenalkan oleh Bakhtin pada tahun 1926. Kaedah ini diperkenalkan disebabkan oleh kesukaran dalam memahami karya penulisan sastera dalam bahasa Rusia pada ketika itu. Dalam teori ini, melibatkan gambaran penulisan yang dihasilkan berdasarkan kepada dialog di antara sebuah teks dengan teks yang lainnya yang seterusnya teks berkenaan berdiri dengan sendirinya tanpa pengaruh daripada teks lainnya (Harari, 1979). Dalam dialogik yang diperkenalkan oleh Bakhtin, penekanan adalah lebih kepada aspek yang mempengaruhi pembacaan dan penulisan yang ditunjukkan dalam penulisan teks sesebuah karya berkenaan. Bagi Bakhtin, tema dan plot yang wujud dalam penulisan juga adalah penting yang turut mempengaruhi penulisan dalam teks yang dihasilkan. Bakhtin menjelaskan yang teks yang dihasilkan oleh penulis adalah garapannya sendiri yang melibatkan diri sendiri dan pembaca yang membaca teks yang dihasilkannya. Kesannya, teks yang dihasilkan oleh pengarang terhadap teks mengalami perubahan, perluasan penulisan dalam teks yang diakibatkan daripada faktor yang wujud dalam teks berkenaan terutamanya melalui hubungan antara struktur luaran dan hubungan dalaman dalam sesebuah teks. Hubungan dan struktur dalaman bersama luaran dalam teks ini juga dinyatakan oleh Schmitz (2007) yang menyatakan bahawa teks yang dihasilkan melalui pengucapan dan tulisan mempunyai perkaitannya antara satu sama lain dan jika tidak mempunyai perkaitan akan menyebabkan ayat berkenaan menjadi kaku dan tidak dapat diperkembangkan. Pandangan yang sama dinyatakan oleh Schmitz (2007) menyatakan bahawa:

*“Language always works within certain situations, and utterances produce their significance within thin context. The linguistic material alone is not enough to determine whether a word or a sound is enthusiastic, gloomy, ironical, threatening, or deferential; rather, this depends on a*

*number of factors such as intonation, volume, the interlocutor, and prior utterances in the dialogue”*

Hasil daripada perbincangan teori-teori berkaitan teks sebelum ini, Julia Kristeva telah menjalankan kajiannya dalam tesis Ph.D bertajuk *La Revolution du Langage Poetique* pada tahun 1970. Namun demikian, dalam kajian oleh Julia Kristeva ini, teori yang diperkenalkannya ialah intertekstualiti berbanding dengan teori dialogik seperti yang dibincangkan sebelum ini. Kajian berkaitan teks dalam teori intertekstual ini juga turut disokong oleh Hawthorn (2000) yang menyatakan bahawa teks tidak boleh berdiri dengan sendirinya dan terbina hasil daripada pengaruh teks yang lainnya. Hawthorn (2000) menyatakan bahawa:

*“Kristeva defines the text as a permutation of texts, an intertext in the space of a given text...”*

Teori berkaitan intertekstualiti ini merupakan sebuah teori yang sering membincangkan mengenai dunia kesusasteraan. Di Asia Tenggara, Partini Sardjono adalah individu bertanggungjawab memperkembangkan teori intertekstualiti ini daripada teori intertekstualiti sedia ada oleh Kristieva. Partini Sardjono turut menambah baik teori intertekstualiti ini dengan memperkenalkan prinsipnya yang dikenali ekserp. Berdasarkan kepada prinsip ekserp ini, teks yang dihasilkan oleh penulis diterjemahkan dalam bentuk abstrak.

Di Singapura dan Malaysia, kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Rahman Napiah yang membincangkan kajiannya dalam tesis Phd-nya bertajuk “Tuah Jebat Dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti”, tahun 1989. Namun demikian, kesemua kajian dijalankan oleh penyelidik masih berasaskan daripada prinsip teori intertekstual oleh Kristieva. Prinsip teori intertekstualiti berkenaan adalah seperti berikut sepertimana yang dipetik daripada Kristeva:

- a) Transformasi ialah pemindahan, penjelmaan atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain secara formal atau abstrak.
- b) Modifikasi berlaku apabila pengarang membuat penyesuaian, perubahan atau pindaan terhadap sesuatu teks dalam sesebuah teks. Prinsip ini berlaku disebabkan timbulnya keinginan pengarang untuk mengambil atau meniru sesebuah teks ke dalam teksnya serta menyesuaikan mengikut kehendak masyarakat, budaya, politik dan pemikiran pembaca (Kristeva, 1980).
- c) Ekspansi berlaku apabila pengarang membuat peluasan atau pengembangan terhadap sesuatu teks. Contohnya, sebuah cerpen diolah dan dikembangkan oleh pengarang sehingga ia menjadi sebuah novel yang lengkap (Kristeva, 1980).
- d) Demitefikasi bermaksud penentangan terhadap pengertian dalam teks sesebuah karya yang mundur yang muncul lebih awal. Pengarang mempersoalkan teks tersebut sebelum melakukan penentangan (Kristeva, 1980).
- e) Haplogologi terjadi apabila berlaku pengguguran ketika kehadiran teks ke dalam sesebuah teks. Proses ini berlaku ketika pemilihan dan penyuntingan yang bertujuan untuk menyesuaikan sesebuah teks demi keharmonian sesebuah karya (Kristeva, 1980).
- f) Ekserp berlaku apabila teks yang digunakan adalah sama dengan intisari sebahagian, suatu petikan, suatu episod atau aspek dari hipogram atau tipa induknya (Partini Sardjono, 1986).
- g) Paralel terjadi apabila berlaku persamaan atau kesejajaran antara satu teks dengan teks yang lain dari segi tema, pemikiran atau bentuk teks itu sendiri. Prinsip Paralel memperlihatkan unsur-unsur keselarian dan kesejajaran teks Mohd Sholeh, S.Y., & Mohd Nizam, S. 52 dalam sesebuah teks. Walaupun begitu, pengarang perlu menyatakan sumber ambilannya supaya teks yang diambil itu tidak dianggap palagiat (Kristeva, 1980).
- h) Konversi terjadi apabila berlaku hipogram atau pun penentangan terhadap teks yang diambil guna. Unsur penentangan ini tidak sama seperti yang terjadi dalam prinsip demitefikasi. Malah ia tidak begitu radikal dan tidak mengalami perubahan yang agresif atau drastik (Kristeva, 1980).
- i) Eksistensi berlaku apabila unsur-unsur yang diwujudkan atau diadakan dalam sesebuah karya berbeza dengan teks hipogramnya. Proses ini berlaku apabila pengarang melakukan sesuatu

pembaharuan terhadap karya utama yang menjadi landasan dalam penulisan (Kristeva, 1980).

- j) Defamilirasi ialah unsur luar biasa dalam karya yang bermaksud usaha pengarang untuk melahirkan unsur-unsur luar biasa dengan melakukan beberapa perubahan terhadap teks yang telah dibaca seperti penyimpangan dari segi makna atau perubahan peranan watak dalam sesebuah karya (Kristeva, 1980). Setiap prinsip ini tidak semestinya hadir secara berasingan dalam sesebuah karya, tetapi hadir secara bersama. Contohnya, apabila sesuatu teks karya itu mengalami proses transformasi, teks berkenaan mengalami proses modifikasi, ekspansi atau prinsip intertekstual dalam masa yang sama.

## **METADOLOGI KAJIAN**

Kajian berkaitan intertekstualiti dalam kiriman blog remaja berlainan gender ini dijalankan dalam bentuk kualitatif. Pemilihan kajian kualitatif ini dipilih kerana data-data yang dipilih untuk kajian adalah dalam bentuk teks sahaja dan penyelidik seterusnya menggunakan teknik analisis kandungan untuk kajian teks kiriman blog yang diperolehi. Selain itu, penyelidik memilih teori intertekstualiti dalam kajian pemaknaan terhadap kiriman blog remaja. Ini kerana ingin melihat kewujudan empat rumus yang kebanyakan kajian teori ini dijalankan dalam penulisan kesusasteraan sahaja. Empat rumus teori intertekstualiti ini terdiri daripada teks tradisional, teks pengarang sendiri, teks pengarang lain dan teks bukan kreatif. Hanya dua orang remaja yang aktif menulis kiriman blog sepanjang tahun 2012 sahaja yang dipilih kerana penyelidik hanya mahu melihat penggunaan teori intertekstualiti dalam teks sahaja terhadap dua orang remaja yang berlainan gender. Penyelidik juga memilih kiriman blog sepanjang tahun 2012 sahaja kerana kebarangkalian untuk pengubahsuaian teks adalah sedikit jika dibandingkan dengan kiriman teks blog dalam tahun 2015. Pengelasan kedua-dua remaja ini adalah berdasarkan kepada tinjauan oleh penyelidik dalam pautan dalam blog penyelidik sendiri. Pemilihan remaja berkenaan adalah berdasarkan kepada kekerapan penulisan kiriman blog dan jumlah pengunjung tertinggi bagi kiriman blog kedua-dua remaja berkenaan berbanding pautan blog yang lainnya. Seterusnya penyelidik menganalisis kesemua kiriman blog kedua-dua remaja berlainan gender ini berdasarkan kepada penetapan tema penulisan kiriman blog oleh kedua-dua remaja ini. Tujuan penyelidik memilih remaja berlainan gender ini kerana ini ingin melihat perbezaan kedua-dua dalam penulisan teks dalam internet. Seterusnya, penyelidik melakukan proses penyaringan dan penafsiran bagi mendapatkan makna teks.

Penyelidik menggunakan perisian *Mendeley Dekstop* dan *NVIVO 8* dalam menganalisis kesemua kiriman blog yang telah disaring berdasarkan tema yang ditetapkan oleh penyelidik berdasarkan kepada empat rumus teori intertekstualiti yang dinyatakan sebelum ini. Kemudiannya, setelah penyelidik memperoleh senarai tema bagi kesemua penulisan kiriman blog kedua-dua remaja ini, penyelidik menggunakan teori intertekstualiti bagi melakukan proses pemaknaan berdasarkan kepada empat rumus dalam teori intertekstualiti ini untuk melihat hubungannya antara satu teks kepada satu teks yang lain. Penyelidik menuruti pandangan oleh Kristeva dalam menjalankan penyelidikan ini, iaitu dengan menyatukan teks utama dalam kiriman blog oleh kedua-dua remaja ini dalam membentuk teks dalam komunikasi. Oleh demikian, dalam konteks ini penyelidik menyoroti analisis teks dalam kiriman blog ini berdasarkan kepada proses yang berlaku di awal sehingga ke pengakhirannya dalam penulisan teks. Berdasarkan kepada Kristeva, teks yang terbina adalah berdasarkan kepada proses bagaimana dan mengapa proses itu dilakukan oleh pengarang terhadap teks berkenaan. Justeru, dalam penyelidikan ini unsur-unsur struktur seperti tema, latar dan gaya bahasa dianalisis untuk melihat pemaknaannya dalam penyampaian.

## **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

Responden remaja lelaki yang dipilih berusia 16 tahun dan responden remaja perempuan berusia 19 tahun pada tahun 2012. Hasil analisis, responden remaja lelaki menulis kiriman blog sebanyak 28 kiriman dan responden remaja perempuan sebanyak 31 kiriman blog. Persamaan kedua-dua

responden ialah keduanya penulis novel sambilan. Kedua-dua responden mempunyai pengikut yang ramai dalam kiriman blog dan penulisan kiriman kedua mereka bersifat santai dan bersahaja. Petikan teks dalam kiriman blog kedua-dua remaja yang dikenalpasti oleh penyelidik ini dianalisis dengan perisian NVIVO 8 untuk mendapatkan tema yang mempengaruhi penulisan kiriman blog kedua mereka. Tema yang wujud dalam kiriman blog kedua-dua remaja ini dipaparkan dalam Rajah 1 di bawah. Tema yang diperolehi dalam penilaian teks dalam kiriman blog ini berdasarkan kepada hubungan intertekstual, iaitu dialog dalam teks dan kewujudan teks dalam sesebuah teks, seterusnya melihat kesan yang wujud daripada proses intertekstual yang berlaku dalam penulisan kiriman blog.


**Jadual 1:** Kewujudan tema dalam penulisan kiriman blog

| Informan Remaja | Tema   |
|-----------------|--|
| Lelaki          | Aktiviti, hobi dan minat,  |
| Perempuan       | penulisan dan keperibadian<br>keperibadian, aktiviti, hobi<br>dan minat dan aktiviti pengajian |

Dalam analisis tema yang diperolehi oleh penyelidik terhadap kedua-dua informan remaja ini, memperlihatkan yang kedua-dua informan ini berkecenderungan dalam penulisan kiriman blog, iaitu bermula dari awal sehingga ke akhir berlandaskan daripada tema yang diwujudkan oleh informan itu sendiri. Proses penulisan kiriman blog kedua-dua informan ini bermula daripada proses pemindahan dan pengembangan dalam penulisan kiriman teks dalam blog. Dilihat daripada kewujudan tema ini, penyelidik mendapati informan menjadikan teks terdahulu dalam kiriman sebelumnya sebagai janaan idea seterusnya dalam penulisan kiriman blog. Setiap tema yang wujud dalam penulisan ini diwakili oleh penjenisan dalam rumus intertekstual yang dinyatakan dalam sorotan karya sebelum ini. Hubungan antara intertekstual oleh kedua-dua remaja ini mewujudkan kesinambungan dan kecenderungan dalam penulisan. Intertekstual ini wujud dalam kiriman blog oleh kedua-dua informan remaja ini sepanjang tahun 2012 bermula daripada Januari sehingga Disember. Berikut dipaparkan analisis kajian berdasarkan kepada empat rumus intertekstual.

***Hipoteks adalah Teks Tradisional***


Penulisan teks oleh remaja lelaki dilihat mengimbas kembali pengalaman yang dilalui dalam persekitaran persekolahan dan luaran. Dilihat daripada kiriman blog bermula daripada Januari 2012 sehingga Disember 2012, penceritaan berkaitan pengalaman dilalui remaja lelaki ini akan bertaut tidak kira dalam bulan yang sama atau bulan selepasnya. Pertautan dalam penceritaan ini adalah lebih kepada kebaikan dan menambahkan lagi kegembiraan terhadap remaja lelaki ini. Faktor yang menentukan pertautan ini adalah berdasarkan kepada rakan, keluarga serta hobi dan minat yang sinonim dengan remaja lelaki ini. Rajah 1 di bawah menunjukkan perkaitan antara teks tradisional dengan penulisan teks remaja lelaki



**Rajah 1:** Perkaitan teks tradisional dengan hipoteks tradisional


Dilihat daripada Rajah 1, penulisan hipoteks remaja lelaki ini dipengaruhi daripada pengalaman kegembiraan yang disampaikan berulang-ulang dalam setiap kiriman seterusnya. Selain itu, remaja lelaki mengulangi penceritaan kegembiraan yang dicapai secara terbuka bertujuan untuk menarik perhatian dan menambahkan lagi kegembiraannya. Hasil gabungan antara remaja lelaki dengan teks dan kewujudan tema, penulisan kiriman blog berkisarkan pengalaman kegembiraan yang telah dilalui hasil daripada pengaruh orang terdekat dengan remaja berkenaan dan juga diri sendiri. Pengalaman kegembiraan yang dikongsi juga adalah untuk menunjukkan kelebihan diri remaja berkenaan berbanding dengan orang lain. Dalam 'pengetahuan', perkongsian melalui penulisan teks adalah terbatas dalam litup ruangan yang hanya diketahui oleh remaja lelaki itu sahaja. Ruang litup berkenaan merangkumi pengetahuan terdekat sahaja. Oleh demikian, dapat disimpulkan daripada Rajah 1 bahawa gabungan individu dengan teks dan tema menyebabkan pengaruh terdahulu seperti pengalaman kegembiraan dan pengetahuan menjadi rujukan dalam penulisan penceritaan.

Seterusnya, hipoteks teks tradisional oleh remaja perempuan berbeza dengan remaja lelaki. Rajah 2 di bawah menunjukkan perkaitan teks tradisional dengan remaja perempuan.



**Rajah 2:** Perkaitan teks tradisional dengan hipoteks tradisional

Dilihat daripada Rajah 2, penulisan hipoteks teks tradisional I menunjukkan yang remaja perempuan dalam hipoteks tradisionalnya berasal daripada pengalaman keperibadian dan rasa ketidakpuas hati. Gabungan antara remaja perempuan bersama dengan teks melalui penulisan mewujudkan tema yang menjadi penceritaan dalam kiriman blog yang dihantar di internet. Dalam hipoteks ini, remaja lelaki dan remaja perempuan dilihat oleh penyelidik pengaruh dan tarikan perhatian adalah dua sebab utama penulisan hipoteks pengaruh tradisional wujud dalam penulisan kiriman blog. Rajah 3 memperlihatkan hipoteks teks tradisional oleh remaja perempuan.




**Rajah 3:** Perkaitan teks tradisional dengan hipoteks teks tradisional

Berdasarkan kepada hasil gabungan antara remaja perempuan yang menghasilkan teks dalam penulisan blog dan seterusnya wujudnya tema dalam setiap kiriman blog. Dilihat dalam Rajah 3 ini, teks dan tema dalam penulisan teks remaja perempuan ini dipengaruhi oleh rakan, keluarga dan situasi. Seterusnya, daripada ketiga-tiga pengaruh berkenaan, dijadikan faktor untuk remaja perempuan berkenaan wujudnya teks kiriman yang bernaratifkan cerita terdahulu dan tidak mempunyai keasliannya berdasarkan kenyataan dalam teori intertekstualiti ini. Ini disebabkan oleh penceritaan melalui penulisan teks kiriman adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan sumber daripada ketiga-tiga pengaruh. Penambahan naratif penceritaan berlaku dalam bentuk positif dan negatif situasi sahaja. Dan, berdasarkan kepada ketiga-tiga faktor yang menjadi pengaruh, remaja perempuan menjadi pengaruh berkenaan yang terdiri daripada rakan, keluarga dan situasi untuk tarikan perhatian kepada orang lain yang membaca teks dalam kiriman blognya itu.

### ***Hipoteks adalah Teks Pengarang Sendiri***

Penulisan teks dalam teks pengarang sendiri ini dilihat wujud dalam penulisan kiriman di internet. Berdasarkan kepada pandangan Julia Kristeva, dalam hipoteks adalah teks pengarang sendiri ini, penulisan individu berlandaskan kepada pandangan, pendapat, dan pengakhiran yang dinyatakan oleh penulis itu sendiri. Dalam Rajah 4 di bawah menunjukkan ciri-ciri yang wujud dalam teks pengarang sendiri.



**Rajah 4:** Hubungan teks pengarang sendiri


Dilihat daripada Rajah 4, remaja lelaki dan remaja perempuan mempunyai persamaan dalam penulisan teks dalam kiriman blog di internet. Hasil analisis yang dibuat oleh penyelidik, terdapat lima faktor penceritaan teks pengarang sendiri yang digunakan oleh kedua-dua remaja ini meskipun berlainan gender. Lima faktor penceritaan teks pengarang sendiri ini terdiri daripada aspek pengenalan / awalan, imbas kembali, konflik, imej dan penyelesaian. Dalam teks pengenalan / awalan, penulisan kedua-dua remaja ini menceritakan mengenai pembukaan cerita sebagai tarikan dan penyampaian yang ditulis selanjutnya.

Seterusnya, yang kedua adalah imbas kembali yang menjadi tunjang penceritaan teks sendiri oleh pengarang. Dalam imbas kembali ini, lazimnya pengarang bercerita perihal pengalaman namun sama seperti mana yang dibincangkan dalam hipoteks pengarang tradisional. Imbas kembali ini mengandungi penceritaan yang hendak dikongsikan dengan orang lain. Dalam perkongsian ini, aspek-aspek seperti pergerakan peristiwa, latar, perwatakan, dialog dan monolog wujud dalam penulisan teks kiriman oleh individu ini. Dan, bagi faktor ketiga ialah konflik. Konflik berlaku dalam diri penulisan itu sendiri dan diceritakan dalam bentuk teks dan seterusnya dihantar dalam kiriman blog. Dalam penceritaan konflik ini, penceritaannya adalah lebih kepada persoalan dan penyelesaian dalam konflik yang dihadapi dan dilalui oleh remaja itu sendiri. Selain konflik, imej adalah paparan statik yang dikongsikan oleh penulis kepada pembaca bersama dengan huraian teks terhadap imej berkenaan.

Kebiasaannya imej yang dipaparkan dalam kiriman teks adalah pegun dan grafik bagi tujuan menyokong pernyataan teks dan tarikan kepada pembacaan.

### ***Hipoteks adalah Teks Bukan Kreatif***

Dalam hipoteks adalah teks bukan kreatif ini, kedua-dua remaja yang dikaji ini dilihat menggunakan dua teknik dalam penulisan kiriman blog sepanjang tahun 2012. Kedua-dua teknik berkenaan diperlihatkan dalam Rajah 5 di bawah.



**Rajah 5:** Teks Bukan Kreatif oleh Remaja

Seperti yang diperlihatkan dalam Rajah 5, penulisan teks bukan kreatif oleh remaja ini dilatari oleh dua aspek, iaitu melalui teknik realiti dan teknik fantasi. Dalam teknik realiti, kedua-dua remaja ini kecenderungan dalam penulisan berkaitan keperibadian, komentar, ulasan dan pandangan yang disuarakan oleh mereka secara terus tanpa pengaruh daripada orang lain. Kecenderungan yang dipaparkan dalam teknik realiti ini dapat dilihat dalam struktur pembinaan penulisan oleh kedua-dua remaja ini iaitu melalui perkaitan antara teks penceritaan awal dan dalam kiriman-kiriman blog yang seterusnya. Perkaitan ini adalah saling hubungan seperti yang terdapat dalam teori intertekstualiti yang dinyatakan dalam bahagian sorotan karya sebelum ini. Dalam teknik fantasi melalui penulisan oleh remaja pula dilihat yang remaja cenderung untuk berangan, keinginan dan pengaruh situasi. Pengaruh dalam teknik fantasi ini berlarutan kerana adanya tokoh tambah melalui komentar dan sokongan teks daripada rakan terdekat dan pembaca yang lainnya. Seterusnya, daripada penulisan teks kiriman blog yang kreatif ini, kedua-dua remaja ini dilihat mempunyai penetapan yang mendorong penulisan teks mereka dalam kiriman blog iaitu terdiri daripada tema, pemikiran utama yang dikongsikan dan naratif penceritaan yang difokuskan oleh remaja melalui penulisan teks dalam kiriman blognya. Oleh demikian, berdasarkan daripada keseluruhan analisis teks yang dibuat oleh penyelidik, kedua-dua remaja ini

### ***Hipoteks adalah Pengarang Lain***

Dalam hipoteks adalah pengarang lain, kedua-dua remaja ini dilihat oleh penyelidik menjadikan penulisan berkaitan kepelbagaian kisah orang lain sebagai naratif penceritaannya. Kepelbagaian kisah orang lain dijadikan sebagai bahan ulasan, komen dan pandangan. Oleh demikian, berdasarkan kepada kepelbagaian berkenaan dilihat sebagai hipoteks dan hiperteks yang dihasilkan oleh remaja sebagai penulis dalam kiriman blog. Dalam Jadual 7 di bawah menunjukkan perkaitan antara teks yang dihasilkan oleh remaja dengan pengaruh daripada penulisan orang lain terhadap teksnya.



**Jadual 2:** Teks oleh Remaja Perempuan Pengaruh Pengarang Lain

---

Contoh Teks Pengaruh Pengarang Lain

---

1. Dah apa benda aku mengarut pulak pagi-pagi buta ni? =\_=' Ni lah dia sakit orang yang susah nak tidur malam. Hyper semacam. Oh tiba-tiba terjumpa ni on my Tumblr dashboard tadi. Aku rasa benda ni macam boleh masuk je sekali dengan entri ni, tu yang aku terus ambik tu. Trololololol.
  2. Mengenangkan perkara itu, saya terus berlari pecut marathon mencapai tudung di tangga dan berlari keluar dengan penuh perasaan teruja, gembira dan hyper. Hahaha. I knew that the parcel was meant for me. Cewah, siapa lagi dalam rumah ni yang rajin buat online shopping kan? Aku sorang je lah. That's why rumah aku selalu disinggahi oleh pak cik pos laju :P
  3. Tengok gambar tu! Boleh buat sekolah kan? Ya Allah, takut gila aku weh. Every single person in the house owns one but not me. Masa tu aku dah kena bahan dah but oh well aku menjawab balik ah. Hehehehehe, biasa lah tu tak ada soft toys, Fatin kan? :P
  4. Aku tahu yang mama dah meninggal from Kak Ina punya Facebook. Bila baca status tu, aku terus terduduk, speechless sekejap. Lepas dah satu dua minit tu, baru aku sedar balik and masa tu tiba-tiba muka aku dah basah lencun dengan air mata.
  5. There will be no more, "Ibu, ibu tahu tak..." moments between ibu & I. Melampau gila kalau cakap tak ada langsung, tapi mesti lambat kalau nak update segala benda dekat ibu. Yelah, call seminggu sekali. Oh gosh Fatin, stop crying already! Waaaaaa, tak boleh stop air mata ni mengalir. Lepas tu dah tak boleh dah nak gaduh setiap hari dengan angah.
- 

**Jadual 3:** Teks oleh Remaja lelaki daripada Pengarang Lain

---

Contoh Teks Pengaruh Pengarang Lain

---

1. Abang **Wahyuddin**, rakan kamcing yang telah sudi meminjamkan suara sebagai watak utama (Fayyadh), pemilik suara emas, **Nazatul Eqma** sebagai Kirana, adik sepupu, **Nur Hanis Humaira** sebagai watak comel, Fazleen dan bakal wartawan sejawat ~~Astro Awani~~, **Nurasma** sebagai *narrator*. Jadi, jutaan penghargaan kepada korang sebab sudi berkolaborasi demi mempromosikan novel ini!
  2. HafizZainal, blogger, K-Pop fanboy (sama macam aku) dan dentist-to-be buat kontes Senyuman Mahal II. Kalau korang nak join, klik je banner kontes ni dan ikut langkah macam aku buat. Ni kali kedua aku join kontes. Saja mencuba tak salah kot. keke. XD
  3. Tapi apa yang lebih penting ialah pendapat korang. Harap korang sudi-sudilah komen kat sini atau kat Facebook Page aku:<http://www.facebook.com/HasifHamsyari>.Novelis
  4. Promo novel yang pertama di Malaysia yang menggunakan pendekatan ala-ala trailer filem! Sukacita aku dan produksi HCombo Art mempersembahkan promo bagi novel ketiga aku, **KOPI MANIS**. Produksi HCombo Art telah mencipta sejarah sebagai pembawa inovasi dalam industri penulisan kreatif Malaysia yang pasti akan menjadi *trend* nanti. Yeay!
- 

Berdasarkan kepada Jadual 7 dan Jadual 8, menunjukkan yang contoh hipoteks yang dihasilkan oleh kedua-dua remaja ini dipengaruhi oleh teks pengarang lain sebelum diaplikasikan dalam penulisan teksnya. Dalam teks pengaruh ini, dilihat yang kedua-dua remaja ini cenderung kepada pengaruh positif berbanding pengaruh negatif yang mempengaruhi penulisan teks oleh pengarang lain. Dilihat juga yang pengaruh pengarang lain ini adalah merangkumi orang yang dikenali oleh remaja dan mempunyai minat serta keinginan yang sama seperti kedua-dua remaja. Pengaruh-pengaruh yang wujud terhadap remaja ini menyebabkan berlakunya tindakan dan refleksi oleh kedua-dua remaja dalam membuat keputusan yang memberikan impak terhadap dirinya sendiri. Oleh demikian, dalam hal ini penyelidik melihat bahawa penggunaan teks pengarang lain oleh kedua-dua remaja ini adalah untuk motivasi dan dorongan kepada kedua-dua remaja.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Hasil daripada analisis kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini adalah berdasarkan kepada empat ciri rumus intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Kristeva. Dalam dapatan kajian oleh penyelidik ini menunjukkan yang hubungan antara teks wujud dan berlakunya proses daripada gabungan hubungan teks yang digunakan dalam teks yang dikiriskan. Dalam keempat-empat rumus yang dihasilkan oleh Kristeva ini, penyelidik membuktikan bahawa teks yang dihasilkan oleh remaja melalui penulisan teks dalam internet ini mempunyai pemaknaannya yang tersendiri yang mempunyai huraian, tafsiran memperkembangkan teks dalam intertekstualiti itu. Oleh yang demikian, dalam kajian yang dijalankan oleh penyelidik terhadap penulisan teks dalam blog di internet menunjukkan bahawa gabungan proses olahan teks, pembinaan teks dan gabungan teks menyebabkan teks dalam internet ini mempunyai kelebihannya yang tersendiri. Dalam pembinaan teks oleh kedua-dua remaja ini, gabungan teks yang terhasil adalah berdasarkan kepada dua aspek yang wujud di dalamnya iaitu terdiri daripada aspek luaran dan aspek dalaman. Aspek dalaman merangkumi penulisan teks yang bersifat keperibadian, idea dan pandangan yang disuarakan secara terus tanpa wujudnya kekangan dan sempadan dalam penulisan. Dalam aspek dalaman ini juga turut melibatkan aspirasi yang dizahirkan secara sendiri oleh kedua-dua remaja berkenaan. Bagi aspek luaran, penulisan teksnya adalah berpengaruh daripada teks-teks lain seperti teks penulisan rakan, keluarga dan teks yang dibaca oleh kedua-dua remaja berkenaan. Dalam pengaruh aspek luaran ini juga, faktor seperti minat dan kemahuan adalah faktor penting dalam mempengaruhi aspek luaran terhadap teks kedua-dua remaja ini.

Dalam kewujudan kedua aspek ini, penyelidik melihat bahawa sifat intertekstual dalam penulisan blog adalah disebabkan berlakunya proses oleh pengarang itu sendiri. Melalui penulisan blog, proses yang berlaku adalah seperti pemindahan dan pengubahan semula teks yang ditulis, kutipan dan serapan teks, penukaran dan pengembangan dalam penulisan yang sedia ada serta persamaan dan penambahbaikan terhadap teks yang sedia ada. Hasil daripada proses yang berlaku ini seterusnya mewujudkan kreativiti terhadap remaja melalui penulisan. Berdasarkan kepada pandangan Mawar Shafie (2010), proses kreatif dalam penulisan oleh individu merangkumi berlakunya proses menyalin, pemindahan kata-kata dan perkataan, penambahan teks sedia ada, pengurangan kembali teks, pengurangan teks sedia ada dan penyesuaian teks sedia ada kepada pembaharuan. Oleh demikian, dalam kajian penyelidik melihat bahawa proses kreatif yang berlaku menyebabkan perubahan daripada teks awal yang seterusnya membentuk relatif baru dalam teks yang dihasilkan oleh kedua-dua remaja ini dalam penulisan di internet.

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang dinyatakan oleh penyelidik ini, didapati bahawa setiap teks yang disampaikan dalam kiriman blog oleh kedua-dua remaja ini menunjukkan yang setiap dipaparkan dalam kiriman blog ini mengandungi makna dan penyampaian untuk kefahaman pembaca yang membaca teks berkenaan. Selain itu, penyelidik juga melihat bahawa penggunaan teori intertekstual ini menunjukkan yang remaja sering kali menekankan teks melalui naratif penceritaan. Penekanan teks ini adalah melalui emosi yang diwakili oleh teks dan menunjukkan perbezaan bagi setiap emosi berkenaan (Abu Bakar @ Che Din, F., & Nik Muhamad Affendi, N. R. (2015). Justeru, kreativiti yang wujud melalui penulisan dalam teks ini membantu setiap hipoteks oleh kedua-dua remaja ini terus hidup dan penceritaannya tidak nampak kaku kerana pengulangan naratif penceritaannya yang dipengaruhi oleh proses kreatif berkenaan. Dan melalui penggunaan teori intertekstual ini, penyelidik melihat bahawa remaja mengaplikasikan naratif penceritaannya sebagai sebuah rakaman penceritaan dan dokumentasi penceritaan terdahulu kepada penceritaan sekarang. Oleh demikian, berdasarkan kepada pandangan Mawar Shafie (2010) dalam bukunya, menyatakan bahawa pengarang atau penulis yang kreatif dalam penulisan bersifat teori intertekstual ini, adalah mereka yang aktif dalam menggembeleng, menggabung serta menyepadukan kepelbagaian naratif dan wahana dalam penceritaan teks yang disampaikan.

## **RUJUKAN**

- Abu Bakar @ Che Din, F., & Nik Muhamad Affendi, N. R. (2015). Unsur Emosi dalam Novel KOMSAS. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6, 72 – 97.
- Allen, G. (2000) *Intertextuality*. London: Routledge.
- Beavis, C. (2002). Reading, Writing And Role-Playing Computer Games. In L. Snyder (Ed.), *Silicon Literacies: Communication, Innovation and Education in the Electronic Age*. London/New York: Routledge, 47–61.
- Hartman, D. K. (1992). Intertextuality And Reading: The Next, The Reader, The Author, And The Context: *Linguistics and education*, 4(3), 295-311.
- Hartman, D. K. (1995). Eight Readers Reading: The Intertextual Links Of Proficient Readers Reading Multiple Massages. *Reading Research Quarterly*. 30, 520-561.
- Harari, J. (1979) *Textual Strategies*. London: Methuen.
- Hawthorn, J. (2000). *A Glossary of Contemporary Literary Theory*. London: Arnold.
- Kristeva, J. (1980). *Desire In Language: A Semiotic Approach To Literature And Art*, Trans. by Gora, T., Jardine, A. & Roudiez, L. S. New York, NY: Columbia University Press.
- Luke, A & Luke, C. (2001). *Adolescence Lost / Childhood Regained*, English in Australia, 131, 35–48.
- Mawar Shafie (2010). *Novel Intertekstualiti Melayu*. UKM.
- Nur Hamizah Hashim, Eizah Mat Hussain & Nur Yuhanis Mat Nasir, (2017). Unsur Psikologi Maslow Dalam Novel Terpilih. *Pendeta Journal of Malay Language, Education dan Literature*, 8, 72-81.
- Partini Sardjono. (1986), *Kakawin Gajah Mada*, Bandung: Penerbit Binacipta, hlm. 63.
- Schmitz, Thomas A. (2007). *Modern Literary Theory And Ancient Texts – An Introduction*. Oxford: Blackwell Publishing Ltd.